

03/04/2004

UUM anjur persidangan antarabangsa 16-18 April

JABATAN Hal-Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Mengenai Pembangunan Pelajar 2004 di Hotel Pan Pacific, Kuala Lumpur, mulai 16 hingga 18 April ini.

Persidangan bertemakan 'Ke Arah Kecemerlangan Akademik: Mempertingkatkan Kualiti Masa Depan Pemimpin Global' itu akan dirasmikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak, pada 17 April ini.

Pengarah persidangan itu, Ahmadasri Alaudin, berkata program itu adalah sebahagian daripada acara sempena sambutan ulang tahun UUM ke-20.

Katanya, persidangan itu akan memberi fokus kepada pengisian untuk pegawai yang menguruskan hal berkaitan kebajikan pelajar sama ada di institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan mahupun antarabangsa.

Beliau yang juga Pemangku Dekan (Pembangunan Pelajar), Jabatan HEP, berkata persidangan itu juga akan menjadi wadah perbincangan dan perkongsian ilmu, pengetahuan dan pengalaman antarabangsa ke arah pembangunan pelajar sejagat, di samping memastikan mereka seronok menjalani kehidupan di kampus.

Antara pembentang kertas kerja ialah Timbalan Naib Canselor (HEP) Universiti Malaysia Sabah, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin; Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yassin; Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu UKM, Prof Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin; Pengarah Institut Pemikiran Mahathir UUM, Prof Datuk Dr Amir Awang dan Pro-Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh.

Ahli panel sidang forum pula ialah Timbalan Ketua Pengarah Asean II, Kementerian Luar Negeri, Tuan Syed Sultan Mohd Idris dan kaunselor Pesuruhjaya Tinggi Australia, Matthew Evans, manakala pengerusinya, Timbalan Naib Canselor HEP UUM, Prof Madya Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Lebih 30 kertas kerja akan dibentangkan pada persidangan terbuka kepada semua pegawai HEP IPT awam dan swasta serta pemimpin majlis atau persatuan pelajar di IPT tempatan dan luar negara.

Maklumat lanjut, hubungi urus setia 04-928 3217, e-mel icosd@uum.edu.my atau layari laman web: www.icosd.uum.edu.my.